



KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19 DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

02 Syawal 1441 / 25 Mei 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Isnin, 02 Syawal 1441H bersamaan 25 Mei 2020M, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'Ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 141 orang.**
2. Sementara itu, **tidak ada kes** telah disahkan sembuh dari COVID-19 pada hari ini, menjadikan **jumlah keseluruhan yang telah sembuh kekal seramai 137 orang.** Oleh yang demikian, jumlah kes aktif yang masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan pada ketika ini ialah seramai **3 kes.** Daripada jumlah tersebut, 2 daripadanya masih dalam keadaan kritikal. Satu kes yang hanya memerlukan mesin pernafasan kini juga memerlukan bantuan mesin tambahan heart/lung machine (ECMO) semula. Ini bermakna, kedua-dua kes kritikal tersebut masih memerlukan bantuan mesin tambahan

heart/lung machine (ECMO) dan mesin pernafasan. Manakala, satu kes aktif lagi adalah dalam keadaan yang baik.

3. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 55 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 18,589 ujian.
4. Seterusnya, berikutan makluman mengenai **Bruhealth App**, Alhamdulillah setakat ini sejumlah 207,395 orang ramai telah mendaftar sebagai pengguna aplikasi tersebut. Disamping itu juga, sejumlah 3,386 syarikat dan premis telah mendaftar kepada aplikasi tersebut. Dengan ini, orang ramai yang belum mendaftar adalah disyorkan untuk memuat turun dan mendaftar ke aplikasi **Bruhealth** tersebut. Kerjasama orang ramai dalam penggunaan aplikasi Bruhealth serta sentiasa mengimbas QR code di tempat keluar masuk premis adalah diperlukan kerana ianya akan sedikit sebanyak memastikan keselamatan orang ramai termasuk penjual dan pelanggan terjamin disamping memudahkan Kementerian Kesihatan untuk membuat *contact tracing* sekiranya ada penularan jangkitan berlaku.
5. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn**

atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **BruHealth** atau **healthinfo.gov.bn**.

Selamat Hari Raya Aidilfitri Maaf Zahir dan Batin kepada seluruh umat Islam di Negara Brunei Darussalam. Marilah kita sama-sama berdoa agar semua pesakit terutama sekali yang berada di Pusat Pengasingan Kebangsaan diberi kesembuhan sepenuhnya dan agar Negara Brunei Darussalam sentiasa bebas dari wabak COVID-19.

Aamiin Aamiin Ya Rabbal Alamiin

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 02 Syawal 1441H / 25 Mei 2020